



Rujukan : JANM.500-8/4/1 ( )

Tarikh : 22 Februari 2024

**Ketua Setiausaha Kementerian**

**Ketua Jabatan Persekutuan**

**YB Setiausaha Kerajaan Negeri**

**Akauntan/Bendahari Negeri**

**Pihak Berkuasa Badan Berkanun/ Agensi**

YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan,

**PERSIDANGAN AKAUNTAN ANTARABANGSA MALAYSIAN INSTITUTE OF ACCOUNTANTS 2024 (MIA CONFERENCE 2024)**

Saya dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Institut Akauntan Malaysia (MIA) akan menganjurkan Persidangan Akauntan Antarabangsa MIA (MIA Conference) 2024 seperti ketetapan berikut:

**Tarikh** : 11 hingga 12 Jun 2024  
(Selasa - Rabu)  
**Tempat** : Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KL Convention Centre)  
**Tema** : 'Navigating New Frontiers – Embracing Sustainability'

3. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan, MIA telah menawarkan kadar yuran istimewa bagi semua Akauntan lantikan Jabatan Akauntan Negara Malaysia seperti berikut:

Perkara	Yuran Penyertaan (RM)	Jam Kredit (CPE Hour)
Secara Fizikal	1,700	18
Secara Maya	1,400	14

4. Pendaftaran peserta dari setiap Kementerian/Jabatan/Agensi boleh dipanjangkan terus kepada MIA. Kerjasama Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian/ Ketua Jabatan/ Agensi adalah dimohon untuk menghebahkan maklumat ini kepada Akauntan di Kementerian/ Jabatan/ Agensi. Untuk makluman, surat edaran dan risalah ini boleh dimuat turun dari laman web Jabatan Akauntan Negara Malaysia ([www.anm.gov.my](http://www.anm.gov.my)). Bersama-sama ini disertakan surat jemputan dari MIA bertarikh 13 Februari 2024 dan risalah persidangan MIA 2024 untuk perhatian dan makluman.

5. Sebarang pertanyaan berkenaan persidangan ini, sila hubungi pegawai MIA seperti berikut;

Puan Noor Azlina Abu Bakar (noorazlina@mia.org.my)	-	03 2722 9163
Cik Azlina Ahmad (azlina@mia.org.my)	-	03 2722 9112
Cik Nadiah Namlur (nadiyah@mia.org.my)	-	03 2722 9171
Puan Shahirah Samsudin (nadiyah@mia.org.my)	-	03 2722 9163

6. Kerjasama YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

***‘Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan’***

Saya yang menjalankan amanah,



**[ ZAINANI BINTI JUSOH c.A. (M) ]**

Timbalan Akauntan Negara (Korporat)

b.p Akauntan Negara Malaysia



MALYSIAN INSTITUTE  
OF ACCOUNTANTS

PROUD HOST:



Ruj. Kami: PD/MIAC2024/JANM/naz

Tarikh: 13 Februari 2024

Yang Berusaha Puan Nor Yati Ahmad  
Akauntan Negara Malaysia  
Pejabat Akauntan Negara Malaysia  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)  
Aras 1-8 Kompleks Kementerian Kewangan  
No. 1, Persiaran Perdana, Precinct 2,  
62594 Putrajaya

NY 14/2

Yang Berusaha Puan,

### JEMPUTAN KE PERSIDANGAN AKAUNTAN ANTARABANGSA MALYSIAN INSTITUTE OF ACCOUNTANTS 2024 (MIA CONFERENCE 2024)

Dengan segala hormat saya merujuk kepada perkara di atas.

Sukacita dimaklumkan bahawa Malaysian Institute of Accountants (MIA) akan menganjurkan Persidangan Akauntan Antarabangsa Malaysian Institute of Accountants 2024 (MIA Conference 2024) secara hibrid seperti ketetapan berikut:

<b>Tarikh</b>	<b>: 11 &amp; 12 Jun 2024</b>
<b>Masa</b>	<b>: 9.00 pagi hingga 6.00 petang</b>
<b>Tempat</b>	<b>: Pusat Konvensyen Kuala Lumpur</b>
<b>Tema</b>	<b>: Navigating New Frontiers – Embracing Sustainability</b>

Untuk makluman YBrs. Puan, persidangan ini bakal mengupas isu-isu strategik yang berkait rapat dengan peranan penting yang dimainkan oleh para akauntan untuk menyokong Kerajaan dalam usaha mempercepat peralihan dan transformasi industri dan perniagaan ke arah penerimgunaan agenda Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) sekaligus memperkasa agenda pembangunan negara demi kesejahteraan rakyat dan kestabilan ekonomi.

Persidangan ini akan mengumpulkan lebih 3,500 delegasi terdiri daripada wakil kementerian, tokoh korporat, peneraju industri kewangan, pengawal selia, akauntan, usahawan, ahli akademik, agensi kerajaan dan swasta serta wakil-wakil organisasi perakaunan profesional tempatan dan antarabangsa untuk bersama-sama mendepani isu mengenai ESG, kredit karbon, pembiayaan teknologi hijau dan iklim, tadbir urus korporat, pengurusan risiko serta laporan dan kerangka kerja kelestarian ke arah mencapai matlamat pembangunan negara mampan dan hijau menjelang 2030.

Sehubungan dengan itu, pihak kami berbesar hati ingin menjemput pegawai-pegawai JANM untuk menyertai persidangan ini dengan menawarkan pakej istimewa seperti berikut:

- Yuran penyertaan : **RM1,700/ peserta**  
(secara fizikal) (Ringgit Malaysia: Satu Ribu Tujuh Ratus Sahaja)  
(pakej biasa ialah RM2,500/peserta)
- Yuran penyertaan : **RM1,400/peserta**  
(secara maya) (Ringgit Malaysia: Satu Ribu Empat Ratus Sahaja)  
(pakej biasa ialah RM1,550/peserta)
- Tarikh luput : Sah sehingga tarikh persidangan
- Jam Kredit : 18 (peserta secara fizikal), 14 (peserta secara maya)

Selain itu, bagi memastikan persiapan persidangan berjalan dengan jaya dan lancar dengan kerjasama pihak JANM, pihak kami ingin memohon kebenaran dan sokongan dari pihak Ybrs. Puan untuk perkara-perkara berikut

- a. Membuat hebahan mengenai pakej istimewa ini kepada akauntan lantikan JANM yang berkhidmat di kementerian, jabatan dan agensi kerajaan serta pihak berkuasa tempatan untuk menyertai persidangan ini.
- b. Permohonan penggunaan logo rasmi JANM dalam brosur dan bahan-bahan promosi *MIA Conference 2024* sebagai *Supporting Partner MIA Conference 2024*
- c. Permohonan Memuat Naik e-Banner *MIA Conference 2024* di Laman Sesawang JANM serta pautan terus ke laman sesawang *MIA Conference* bagi memudahkan kakitangan JANM mendapatkan maklumat terkini tentang *MIA Conference 2024*.

Bersama-sama ini dilampirkan brosur *MIA Conference 2024* untuk makluman dan rujukan pihak YBrS. Puan. Pihak kami berharap pihak YBrS Puan dapat memberikan pertimbangan yang sewajar atas permohonan kami dan memberi maklumbalas selewat-lewat nya pada 23 Februari 2024 bagi memastikan kelancaran persidangan ini.

Sebarang pertanyaan lanjut berhubung persidangan ini, pihak YBrS. Puan boleh menghubungi pegawai berikut melalui talian telefon atau e-mel.

- i) Puan Noor Azlina Abu Bakar - 03 2722 9163 / noorazlina@mia.org.my
- ii) Cik Nadiah Namlur - 03 2722 9171 / nadiah@mia.org.my
- iii) Cik Azlina Ahmad - 03 2722 9112 / azlina.ahmad@mia.org.my
- iv) Puan Shahirah Samsudin - 03 2722 9163 / shahirah@mia.org.my

Segala pertimbangan dan perhatian YBrS. Puan dalam perkara ini adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, Salam Hormat.

Yang Benar  
**MALYSIAN INSTITUTE OF ACCOUNTANTS**



**DATO' SERI DR MOHAMAD ZABIDI AHMAD**  
Presiden